**Aplikasi Mudah Alih Visa Concierge**
**Ciri-ciri Utama Dasar Privasi**

| **TARIKH KEMASKINI: 21 Ogos 2018** |
|---|
| **Maklumat Yang Dikumpul**<br>• Nama anda, butir-butiran untuk menghubungi anda, dan maklumat anda berikan semasa anda mendaftar atau memohon untuk perkhidmatan *concierge*<br>• Maklumat pendaftaran<br>• Maklumat berdasarkan lokasi |
| **Cara Utama Kami Menggunakan Maklumat**<br>• Bagi membolehkan fungsi yang anda gunakan Platform Visa Concierge<br>• Bagi menghubungi anda dengan butiran atau maklumat baru mengenai permintaan anda |
| **Pilihan Anda** Bagi mengubah maklumat profil atau pilihan anda, sila pilih "*My Profile*" atau "*Settings*" yang berada di sebelah kiri menu burger aplikasi Visa Concierge anda. Secara alternatif, anda boleh menghubungi Concierge anda melalui e-mel atau telefon dengan permintaan anda. |
| **Soalan?**<br><br>Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkaitan dengan Dasar Privasi ini, amalan Visa Concierge, atau pengalaman anda dengan Platform ini, sila hubungi kami di concierge@visainfinite-asia.com, concierge@visasignature-asia.com atau concierge@visaplatinum.com, atau menulis/menelefon kami di:<br><br>Alamat: Visa Worldwide Pte Limited, 71 Robinson Road #08-01, Singapore 068895<br>Perhatian: Legal Officer<br>Nombor telefon: (65) 6671 5279<br>Pihak Dihubungi: Designated Representative (Personal Data): Björn Siepmann<br>Jawatan: Senior Counsel, Visa Worldwide Pte. Limited |

---

**Aplikasi Mudah Alih Visa Concierge**
**Dasar Privasi**

Terima kasih kerana menggunakan laman web atau aplikasi mudah alih Visa Concierge. Visa Concierge adalah perkhidmatan concierge bertujuan meningkatkan pengalaman anda sebagai pemegang kad Visa. Visa Worldwide Pte Limited ("**Visa**", "**kami**") memiliki dan mengendalikan laman web dan aplikasi mudah alih Visa Concierge ("**Platform Visa Concierge**") sendiri atau melalui pembekal perkhidmatan pihak ketiga. Visa Concierge diterangkan dengan lebih terperinci dalam Terma-terma Perkhidmatan (*Terms of Service*) Visa Concierge (tersedia di sebelah kiri menu burger dalam Aplikasi Visa Concierge anda.

Kami sesungguhnya menghargai dan menghormati privasi maklumat peribadi yang kami perolehi daripada anda berkaitan dengan penggunaan Visa Concierge, termasuk nama, alamat, nombor akaun dan maklumat lain yang boleh digunakan untuk mengenalpasti anda secara individu (secara kolektif, "**Maklumat Peribadi**" ) dan kami telah menyediakan dasar privasi ini ("**Dasar Privasi**") bagi memaklumkan anda mengenai cara kami mengumpul, menggunakan dan berkongsi Maklumat Peribadi anda, dan amalan privasi kami secara am. Seperti yang digunakan dalam Dasar Privasi ini, terma "Visa Concierge" termasuk aplikasi Visa Concierge dan saluran Visa Concierge lain yang dikendalikan oleh Visa yang merujuk kepada Dasar Privasi ini (masing-masing, sebuah "**laman**"). Seperti yang dijelaskan dalam Dasar Privasi ini, Visa Concierge menggunakan maklumat yang kami perolehi daripada anda berkaitan dengan penggunaan Visa Concierge anda dan daripada pihak ketiga yang lain bagi membolehkan anda mengambil bahagian dan mengambil kesempatan atas pelbagai ciri dan fungsi Visa Concierge, untuk analisis dalaman kami, dan bagi membolehkan Visa Concierge dan program dan ciri-ciri lain kami menjadi lebih berguna dan menarik kepada anda.

## MAKLUMAT PERIBADI YANG KAMI KUMPUL

Visa mungkin mengumpul maklumat dalam beberapa cara berkaitan dengan Visa Concierge, termasuk tetapi tidak terhad pada yang berikut:

- Apabila anda mendaftar di Visa Concierge, membuka akaun Visa Concierge (“**Akaun**”) dan membuat pindaan dari semasa ke semasa, kami akan mengumpulkan Maklumat Peribadi yang anda bekalkan secara sukarela, seperti nama dan alamat surat-menyurat, alamat penghantaran dan alamat e-mel anda, nombor telefon, tarikh lahir, nombor lesen memandu, dan nombor pasport. Kami juga mungkin mengumpul soalan dan jawapan keselamatan anda, nama pengguna, kata laluan dan lain-lain maklumat demografi dan pilihan anda.
- Kami mengumpul maklumat kad kredit, debit, prabayar atau kad pembayaran lain atau maklumat akaun kewangan lain yang anda berikan kepada kami berhubung dengan Visa Concierge ("**Butiran Kad**").
- Kami mengumpul nombor program  ganjaran, nombor *frequent flyer*, dan nombor program kesetiaan lain yang anda berikan kepada kami berhubung dengan Visa Concierge ("**Nombor Kesetiaan**").
- Apabilaanda membuat pembelian melalui Visa Concierge atau anda memberi maklumat pembelian kepada Visa Concierge, kami mungkin mengumpul maklumat pembelian dan maklumat menjejak penghantaran.
- Apabila anda meminta kami menghantar barangan atau perkhidmatan kepada pihak ketiga ("**rakan**"), kami mengumpul maklumat peribadi tertentu mengenai rakan anda bagi tujuan memenuhi permintaan anda. Sekiranya anda memberikan data peribadi mana-mana rakan kepada kami sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan kami, anda akan memastikan pihak ketiga tersebut sedar akan Dasar Privasi kami. Di mana kami memerlukan persetujuan anda megenai sesuatu penggunaan data peribadi, termasuk data peribadi anda atau mana-mana pihak ketiga lain, anda akan memperoleh dan telah memperoleh persetujuan yang sepadan daripada pihak ketiga tersebut sebelum anda memberikan data peribadi kepada kami.
- Apabila anda membuat sebarang pertanyaan, kami mengumpul alamat e-mel atau maklumat hubungan lain yang anda pilih untuk berikan kepada kami.
- Kami mengumpul maklumat yang anda serahkansecara sukarela di mana anda menyertai mana-mana perkhidmatan, program atau tinjauan kami.

Maklumat Peribadi lain yang kami kumpul termasuk:

- Lingkungan Umur
- Maklumat mengenai Perkhidmatan yang anda perlukan dan yang membolehkan kami memberi anda Perkhidmatan yang diminta
- Nombor telefon mudah alih
- Data biometrik
- Maklumat lokasi
- Kata laluan

Kami juga mungkin mengumpul maklumat bukan peribadi lain mengenai penggunaan Platform Visa Concierge anda, seperti:

- Cara anda menggunakan Platform, termasuk penggunaan ciri dan fungsinya.
- alamat IP dan maklumat mengenai peranti yang anda gunakan untuk mengakses Platform.

Kami mungkin mengumpul atau menyusun kompilasi maklumat bukan peribadi mengenai pengguna Platform seperti nombor pendaftaran atau maklumat kumpulan demografi secara agregat dan tanpa nama

**BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT ANDA**

Bagi memproses transaksi dan tempahan yang anda minta.

Bagi menghantar e-mel promosi dan tawaran Visa Concierge kepada anda melalui peranti mudah alih anda.

Bagi menghantar e-mel atau mesej kepada anda berkenaan maklumat penting dan maklumat kemaskini mengenai Visa Concierge dan Akaun Visa Concierge anda, termasuk pengesahan transaksi dan tempahan.

Bagi memberi secara amnya ciri-ciri dan fungsi Visa Concierge kepada anda.

Bagi menjalankan tinjauan.

Bagi menjawab soalan dan komen.

Bagi menambahbaik, meningkatkan dan menyesuaikan Visa Concierge untuk anda, dan bagi menambahbaik dan meningkatkan secara keseluruhan pengalaman Visa Concierge untuk semua pengguna Visa Concierge.

Bagi menghantar mesej komersial dan tawaran melalui mana-mana medium bagi anda mengetahui lebih lanjut mengenai Visa Concierge dan pelbagai perkhidmatan dan faedah yang tersedia. Walau bagaimanapun, kami tidak akan menggunakan data peribadi anda melainkan kami telah menerima persetujuan anda.

Kami juga mungkin menggunakan maklumat anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan semasa anda memberikan maklumat atau melainkan dengan persetujuan anda.

Sila ambil perhatian bahawa kami perlu mengumpul dan memproses Maklumat Peribadi anda mengikut Dasar Privasi ini. Sekiranya anda tidak memberi kami Maklumat Peribadi anda, kami tidak boleh memberi anda perkhidmatan Visa Concierge secara berkesan, atau memproses Maklumat Peribadi anda untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas, jika sama sekali.

## BAGAIMANA KAMI BERKONGSI MAKLUMAT PERIBADI

Visa mungkin mendedahkan kepada pihak ketiga semua kategori Maklumat Peribadi (dan maklumat lokasi sekiranya anda memilih menggunakan fungsi yang berdasarkan lokasi dalam Platform, di mana berkenaan) yang dikumpul seperti berikut:

- Pemberian Perkhidmatan: Kami mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga di mana diperlukan bagi memberi perkhidmatan Visa Concierge kepada anda.
- Atas Permintaan Anda: Kami mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga apabila anda minta kami berbuat demikian.
- Pemindahan perniagaan: Sekiranya pihak ketiga memperoleh semua atau sebahagian besar aset Visa, Maklumat Peribadi anda, maklumat agregat, dan apa-apa maklumat lain yang kami kumpulkan berkaitan dengan Visa Concierge mungkin dipindahkan kepada pihak ketiga tersebut sebagai sebahagian daripada aset perniagaan kami. Selain itu, sekiranya sebarang prosiding kebangkrapan atau penyusunan semula dibuat oleh atau terhadap kami, semua maklumat tersebut mungkin dianggap sebagai aset kami dan boleh dijual atau dipindahkan kepada pihak ketiga.
- Pendedahan Maklumat Peribadi bagi tujuan undang-undang dan perlindungan Visa dan lain-lain: Kami berhak untuk berkongsi Maklumat Peribadi anda dengan pihak ketiga jika dikehendaki undang-undang, atau jika kami percaya tindakan sedemikian diperlukan bagi: (1) mematuhi kehendak undang-undang atau mematuhi proses undang-undang yang diserahkan kepada kami; (2) melindungi atau mempertahankan hak undang-undang atau harta kami, Visa Concierge, atau pengguna kami; atau (3) menyiasat, mencegah, atau mengambil tindakan terhadap aktiviti haram, penipuan yang disyaki, situasi yang melibatkan ancaman yang berpotensi kepada keselamatan fizikal seseorang, atau pelanggaran Terma-terma Perkhidmatan Visa Concierge.
- Pembekal Perkhidmatan: Kami menggunakan pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk memberi perkhidmatan tertentu bagi pihak kami, seperti memproses, menyimpan, menyenggara dan menghantar data, memproses dan memenuhi e-mel dan kempen promosi lain, dan menyediakan bantuan pemasaran, analisis web dan analisis data. Kami mungkin memberi Maklumat Peribadi anda kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga tersebut di mana maklumat tersebut diperlukan bagi melaksanakan tugas mereka. Pembekal perkhidmatan pihak ketiga ini disekat secara kontrak dari menggunakan Maklumat Peribadi untuk sebarang tujuan lain dan dikehendaki mematuhi semua undangundang yang berkaitan dengan Maklumat Peribadi yang diterima oleh mereka. Pembekal perkhidmatan mungkin berada di luar tempat tinggal biasa anda.
- Agensi Kerajaan: Kami akan mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada agensi kerajaan jika dikehendaki undang-undang.
- Seperti mana dibenarkan oleh Undang-Undang. Kami mungkin mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga seperti yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan.

### Maklumat bukan Peribadi yang Dikumpul Secara Automatik

Apabila anda menggunakan Visa Concierge, kami juga mungkin mengumpul maklumat standard yang tertentu dari *browser* dan komputer peribadi anda yang sering dikumpul oleh laman web, seperti alamat IP anda, maklumat *browser* (termasuk jenis *browser*, keupayaan dan bahasa), sistem operasi anda dan tarikh dan masa anda mengakses Visa Concierge. Kami juga mengumpul maklumat mengenai negara dari mana lawatan itu berasal dan langkah yang diambil apabila anda berpindah dari satu laman web ke laman web atau halaman web lain (iaitu, aktiviti "aliran klik" anda). Kami mungkin menggunakan semua maklumat ini atau maklumat tertentu untuk mengenal

pasti anda dalam lawatan akan datang ke Platform. Kami mungkin mengumpulkan sebahagian atau semua maklumat ini secara data agregat bagi menerangkan penggunaan Visa Concierge oleh pengguna kami kepada rakan niaga, penaja, pengiklan atau pihak ketiga lain yang sedia ada atau yang berpotensi, atau bagi membalas permintaan kerajaan. Kami juga mungkin mengumpulkan maklumat demografik yang kami kumpulkan daripada pengguna Visa Concierge secara data agregat bagi tujuan yang sama. Kami berhak untuk menggunakan dan berkongsi mana-mana Maklumat bukan Peribadi tersebut dengan pihak ketiga bagi sebarang tujuan yang sah.

Kecuali bagi tujuan mengenal pasti anda dalam lawatan akan datang ke Platform, Visa tidak secara biasanya mengaitkan Maklumat bukan Peribadi tersebut dengan mana-mana individu. Walau bagaimanapun, setakat mana Visa mengaitkan Maklumat Peribadi anda dengan Maklumat Bukan Peribadi dalam pangkalan data kami, kami akan menganggap semua maklumat yang berkaitan sebagai Maklumat Peribadi di bawah Dasar Privasi ini. Kecuali seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini, kami tidak berkongsi maklumat yang berkaitan dengan pihak ketiga.

**_Browsing_ dan penggunaan _cookies_, _Web beacons_ dan teknologi penjejahan lain; mash-ups dan log**

Visa menggunakan teknologi *cookie* sebagai sebahagian pelaporan statistik Visa Concierge dan bagi tujuan lain berkaitan dengan membuat Visa Concierge sedia ada bagi anda. Cookie adalah sekeping maklumat kecil yang dihantar oleh laman web yang disimpan pada pemacu keras anda oleh *browser* komputer anda. Ia menyimpan maklumat yang mungkin diperlu oleh laman web bagi memperibadikan pengalaman anda (seperti, memutar imej pada halaman utama laman web).

Kami juga menggunakan *cookie* bagi mengenal pasti jika anda log masuk ke akaun Visa Concierge anda, termasuk bagi tujuan menyediakan ciri-ciri tertentu Visa Concierge kepada anda. *Cookie* boleh beroperasi untuk tempoh masa yang berbeza, termasuk bagi tujuan menyediakan ciri-ciri tertentu Visa Concierge yang dikaitkan dengannya.

Berdasarkan pilihan anda, anda boleh mengkonfigurasi *browser* anda untuk menolak semua *cookie*, atau untuk memberitahu anda apabila *cookie* ditetapkan. Setiap *browser* berbeza, jadi periksa menu "Bantuan" *browser* anda untuk mengetahui cara mengubah pilihan *cookie* dan privasi anda. Walau bagaimanapun, jika anda menolak *cookies*, penggunaan Visa Concierge anda akan terjejas atau mungkin menghalang penggunaan Visa Concierge anda.

Web beacon adalah imej elektronik, juga dikenali sebagai *single-pixel* atau *clear GIF*, diletakkan dalam kod halaman web atau dalam e-mel. Platform menggunakan *Web beacon* untuk menjejaki corak trafik pengguna apabila mereka mengemudi dari satu halaman ke halaman lain. Maklumat ini membolehkan kami meyesuaikan dan meningkatkan pengalaman penyemakan pengguna kami. Maklumat yang dikumpulkan oleh *Web beacon* diagregatkan, data "aliran klik" dianonimikan, dan tidak dikaitkan dengan anda sebagai individu.

Kami juga menggunakan *Web beacon* melalui penyedia analisis laman web pihak ketiga, serta fail log server web standard, untuk membantu kami mengira pelawat dan menilai kapasiti teknikal Platform. Maklumat ini memberitahu kami jumlah individu yang melawat Platform, dan membantu kami memutuskan cara mengatur halaman dengan cara yang paling mesra pengguna. Ini juga membantu kami mengekalkan Platform supaya mesra browser / mudah alih dan lebih berguna kepada pengguna kami. Kami merekodkan maklumat mengenai trafik Platform, tetapi tidak mengenai pengunjung individu ke Platform, jadi tiada Maklumat Peribadi tentang anda yang akan disimpan atau digunakan.

## PERKHIDMATAN BERDASARKAN LOKASI

Platform boleh menawarkan perkhidmatan tertentu berdasarkan lokasi kepada anda. Anda memahami bahawa ciri berdasarkan lokasi ini memerlukan butiran lokasi peranti mudah alih anda untuk berfungsi dengan baik dan penggunaan anda menandakan persetujuan anda untuk menggunakan lokasi anda bagi tujuan perkhidmatan tersebut. Sekiranya anda tidak mahu Platform

menggunakan maklumat berdasarkan lokasi, sila jangan menggunakan perkhidmatan berdasarkan lokasi atau klik "TIDAK DIBENARKAN" apabila peranti mudah alih anda meminta maklumat berdasarkan lokasi anda. Kecuali seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini, lokasi anda tidak akan dikongsi dengan pihak ketiga tanpa persetujuan khusus anda.

**HAK DAN PILIHAN PRIVASI ANDA**

Anda boleh mengarahkan kami supaya tidak berkongsi Maklumat Peribadi anda dengan pihak ketiga dan memilih supaya tidak menerima e-mel dengan menghantar emel ke concierge@visainfinite-asia.com, concierge@visasignature-asia.com atau concierge@visaplatinum.com.

Anda boleh membatalkan pendaftaran anda dengan menghantar e-mel ke concierge@visainfiniteasia.com, concierge@visasignature-asia.com atau concierge@visaplatinum.com. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan pendaftaran anda dan Akaun anda tidak boleh diakses lagi, kami mungkin menyimpan dan menggunakan Maklumat Peribadi anda seperti yang diperlukan untuk mematuhi tanggungjawab perundangan kami, menyelesaikan perselisihan, dan menguatkuasakan perjanjian kami.

**BAGAIMANA ANDA BOLEH MENGAKSES DAN MEMBETULKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

Anda boleh menyemak atau mengemaskini Maklumat Peribadi anda pada bila-bila masa dengan mengakses bahagian *My Profile* atau *Settings* pada aplikasi mudah alih. Anda juga boleh mengemukakan permintaan untuk mengedit Maklumat Peribadi anda pada bila-bila masa dengan menghantar e-mel ke concierge@visainfinite-asia.com, concierge@visasignature-asia.com atau concierge@visaplatinum.com dan meminta perubahan.

**KANAK-KANAK**

Platform ini tidak diarahkan kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Kami tidak berniat mengumpul, menggunakan atau mendedahkan Maklumat Peribadi daripada sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun. Sekiranya kami menentukan semasa pengumpulan maklumat bahawa pengguna adalah di bawah umur ini, kami tidak akan menggunakan atau mengekalkan Maklumat Peribadinya tanpa persetujuan ibu bapa / penjaga. Sekiranya kami menyedari bahawa kami telah dengan tidak sengaja mengumpul Maklumat Peribadi daripada seorang kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, kami akan membuat usaha yang sewajarnya untuk memadam maklumat tersebut dari rekod kami.

**BAGAIMANA KAMI MELINDUNGI MAKLUMAT PERIBADI**

Visa menggunakan *firewalls* dan *Secure Socket Layers* bagi membantu melindungi Maklumat Peribadi apabila ia disampaikan kepada kami. Dasar-dasar kami mengehadkan akses kepada Maklumat Peribadi hanya kepada pekerja dan pembekal perkhidmatan yang perlu mengetahui maklumat tersebut sahaja bagi memberi anda perkhidmatan ini. Kami mengekalkan perlindungan fizikal, elektronik dan prosedur yang mematuhi undang-undang dan peraturan privasi dan sekuriti data yang berkenaan.

**LAMAN-LAMAN YANG LAIN**

Platform ini mungkin mengandungi pautan ke laman-laman lain. Kami tidak mengawal, mengesyorkan atau mengesahkan dan tidak bertanggungjawab terhadap laman-laman ini atau kandungan mereka.

**PERSETUJUAN KEPADA PEMINDAHAN DATA**

Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang dikumpulkan oleh Platform akan disimpan dan diproses di negara lain, termasuk Amerika Syarikat yang mungkin mempunyai undang-undang perlindungan data yang berlainan daripada negara yang anda berada. Anda bersetuju dengan penyimpanan dan pemprosesan maklumat ini di Amerika Syarikat dengan memasang dan menggunakan Platform.

Bagi memberi perkhidmatan Concierge, kami akan berkongsi maklumat anda dengan pembekal perkhidmatan Concierge kami John Paul USA, sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah UndangUndang Negeri California, yang mempunyai pejabat berdaftarnya di 49 Stevenson, Suite 575, San Francisco, California 94105 (United States of America) ("**John Paul USA**"). John Paul USA akan menangkap, menyimpan dan menguruskan data anda sebagai pembekal pihak ketiga Visa. Selanjutnya, John Paul USA mungkin berkongsi data anda dengan pembekal pihak ketiga yang lain untuk membolehkan atau membenarkan pemberian perkhidmatan yang diminta kepada anda. Ini termasuk dan tidak terhad kepada peniaga yang menyediakan makanan, perjalanan, pembelian-belah dan perkhidmatan lain.

| Entiti Undang-Undang | Tujuan perkongsian data | Data yang dikongsi |
|---|---|---|
| John Paul USA<br>49 Stevenson, Suite 575, San Francisco, California 94105 | Pemberian perkhidmatan | Semua data yang diberi oleh pemegang kad atau ditangkap sebagai sebahagian daripada penyampaian perkhidmatan |

**PINDAAN**

Kami mungkin membuat pindaan kepada Dasar Privasi ini pada bila-bila masa dengan menyiarkan Dasar Privasi yang dikemaskini di Platform. Pindaan akan berkuatkuasa apabila anda menerima Dasar Privasi yang dikemaskini atau 30 hari selepas tarikh "Tarikh Kemaskini" dalam Dasar Privasi yang dikemaskini, mengikut mana yang lebih awal. Jika anda tidak menerima secara afirmatif Dasar Privasi yang telah dikemaskini, penggunaan Platform anda selepas tempoh penghantaran 30 hari bermakna anda tertakluk kepada Dasar Privasi yang dikemaskini. Jika anda tidak bersetuju dengan kemaskini, sila jangan terus menggunakan Platform. Kami menggalakkan anda untuk menyemak halaman ini secara berkala untuk mendapatkan maklumat terkini tentang amalan privasi kami.

**MENGHUBUNGI KAMI**

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau kemusykilan mengenai Dasar Privasi ini, amalan Visa Concierge, atau pengalaman anda dengan Platform, sila hubungi kami di **concierge@visainfinite-asia.com**, **concierge@visasignature-asia.com** atau **concierge@visaplatinum.com**, atau menulis/menelefon kami di:

Alamat:
Visa Worldwide Pte Limited
71 Robinson Road #08-01
Singapore 068895
Perhatian: Legal Officer

Nombor telefon:
+65 6671 5279

Pihak Dihubungi: Designated Representative (Personal Data): Björn Siepmann
Jawatan: Senior Counsel, Visa Worldwide Pte. Limited

**BAHASA**

Dasar Privasi ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

**TARIKH KEMASKINI: 21 Ogos 2018**

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, konflik, kekaburan atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dari Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

**Visa Concierge Mobile App**
**Privacy Policy Highlights**

| **UPDATED AS OF: 21 August 2018** |
|---|
| **Information We Collect**<br>• Your name and contact information, and information you provide at enrolment and when requesting for concierge services<br>• Enrolment information<br>• Location-based information |
| **Core Ways We Use Information**<br>• To enable the functionality you use through the Visa Concierge Platform<br>• To contact you with details or updates about your requests |
| **Your Choices**<br>To modify your profile information or your options, please go to the My Profile or Settings section on the left hand side burger menu of your Visa Concierge app. Alternately you can contact your Concierge via email or phone with you requests. |
| **Questions?**<br><br>If you have any questions or concerns about this Privacy Policy, the practices of Visa Concierge, or your experiences with the Platform, please contact us at concierge@visainfiniteasia.com, concierge@visasignature-asia.com or concierge@visaplatinum.com, or write to us/phone us at:<br><br>Address: Visa Worldwide Pte Limited, 71 Robinson Road #08-01, Singapore 068895<br>Attention: Legal Officer<br><br>Phone contact:+65 6671 5800<br>Contact person: Legal Officer |

---

**Visa Concierge Mobile Application**
**Privacy Policy**

Thank you for using the Visa Concierge website or mobile app. Visa Concierge is a concierge service intended to enhance your Visa cardholder experience. Visa Worldwide Pte Limited (" **Visa** ," " **us** ," " **we** " or similar pronoun) owns and operates the Visa Concierge website and mobile app (“Visa Concierge Platform”) itself or through third party service providers.

Visa Concierge is described in more detail in the Visa Concierge Terms of Service (available in the left hand side burger menu in your Visa Concierge App). We highly value and respect the privacy of the personal information we obtain from you in connection with your use of Visa Concierge, including your name, address, account numbers and other information that can be used to individually identify you (collectively, " **Personal Information** ") and we have created this

privacy policy (the " **Privacy Policy** ") to inform you about how we collect, use and share your Personal Information, and our privacy practices in general. As used in this Privacy Policy, the term “Visa Concierge” includes the Visa Concierge app and other Visa concierge channels operated by Visa that reference this Privacy Policy (each, a " **site** "). As described in this Privacy Policy, Visa Concierge uses information that we obtain from you in connection with your use of Visa Concierge and from other third parties to enable you to participate in and take advantage of the various Visa Concierge features and functionality,for our own internal analysis, and to make Visa Concierge and our other programs and features more useful and interesting to you.

## PERSONAL INFORMATION WE COLLECT

Visa may collect information in a number of ways in connection with Visa Concierge, including, without limitation, as follows:

- When you enroll in Visa Concierge, set up a Visa Concierge account (" **Account** ") and make changes from time to time, we will collect the Personal Information you voluntarily choose to provide, such as your name and mailing, shipping and email addresses, phone numbers, birthdates, driver’s license numbers, and passport numbers. We may also collect your security questions and answers, username, password and other demographic information and preferences.
- We collect credit, debit, prepaid or other payment card or other financial account information you provide to us in connection with Visa Concierge (" **Card Details** ").
- We collect rewards program numbers, frequent flyer numbers, and other loyalty program numbers you provide to us in connection with Visa Concierge (“**Loyalty Numbers**”).
- When you make a purchase through Visa Concierge or you otherwise provide purchase information to Visa Concierge, we may collect certain purchase and shipping tracking information.
- When you ask us to send goods or services to a third party (“**friend**”), we collect we collect certain personal information about your friend for the purpose of providing the fulfilling your request. If you are going to provide personal data of any friend to us as part of the Service, you will ensure that the third party is aware of our policy. Where we require consent from you in respect of certain use of any personal data, including your or any other third party's personal data, you will obtain and will have obtained the corresponding consent from such third party before you provide the personal data to us.
- When you ask us a question, we collect email address or other contact information you choose to provide.
- We collect information you voluntarily submit when participating in one of our various services, programs or surveys.

Other Personal Information that we collect include:

- Age Range
- information about the Services you require and that will allow us to provide the requested Service
- Mobile number
- Biometric data
- Location information
- Passwords

We may collect other non-personal information about your use of the Visa Concierge Platform such as:

- How you use the Platform, including your use of its features and functionality. IP address and information about the device you use to access the Platform.

We may collect or compile non-Personal Information about Platform users such as enrollment numbers or demographic group information on an aggregated and anonymized basis.

**HOW WE USE THIS INFORMATION**

To process your requested transactions and bookings.

To send you Visa Concierge promotional emails and offers through your mobile device.

To email or message you with important information and updates about Visa Concierge and your Visa Concierge Account, including confirmation of transactions and bookings.

To generally provide the features and functionality of Visa Concierge to you.

To conduct surveys.

To respond to questions and comments.

To improve, enhance and tailor Visa Concierge for you, and to improve and enhance the overall Visa Concierge experience for all Visa Concierge users.

To send you commercial messages and offers through any medium for you to learn more about Visa Concierge and various services and benefits available. However, we will not use your personal data unless we have received your consent.

We may also use your information for purposes disclosed at the time you provide the information or otherwise with your consent.

**HOW WE SHARE PERSONAL INFORMATION**

Visa may disclose to third parties all categories of Personal Information (and location information if you choose to use a location-based function of the Platform, as applicable) that it collects as follows:

- Provision of Services: We disclose your Personal Information to third parties where necessary to provide Visa Concierge services to you.
- At Your Request: We disclose your Personal Information to a third party whenever you request us to do so.
- Business transfers: If a third party acquires all or substantially all of Visa's assets, your Personal Information, aggregated information, and any other information that we have collected in connection with Visa Concierge may be transferred to such third party as part of our business assets. Also, if any bankruptcy or reorganization proceeding is brought by or against us, all such information may be considered one of our assets and may be sold or transferred to third parties.
- Disclosure of Personal Information for legal purposes and protection of Visa and others: We reserve the right to share your Personal Information with third parties if required to do so by law, or if we believe such action is necessary in order to: (1) conform to the requirements of the law or comply with legal process served upon us; (2) protect or defend our legal rights or property, Visa Concierge, or our users; or (3) investigate, prevent, or take action regarding illegal activities, suspected fraud, situations involving

potential threats to the physical safety of any person, or violations of the Visa Concierge Terms of Service.

- Service Providers: We use third-party service providers to perform certain services on our behalf, such as processing, storing, maintaining and transmitting data, processing and fulfilling email and other promotional campaigns, and providing marketing assistance, web analytics and data analysis. We may provide your Personal Information to these third-party service providers when the information is necessary for them to perform their duties. These third-party service providers are contractually restricted from using Personal Information for any other purpose and required to comply with all applicable laws with respect to the Personal Information they receive. The service providers may be located outside your place of habitual residence.
- Government Agencies: We will disclose your Personal Information to a government agency if required to do so by law.
- As Otherwise Permitted By Law. We may disclose your Personal Information to third parties as otherwise permitted by applicable law.

**Automatically collected non-Personal Information**

When you use Visa Concierge, we also may collect certain standard information from your browser and personal computer that websites often collect, such as your IP address, your browser information (including browser type, capabilities and language), your operating system and the date and time you accessed Visa Concierge. We also capture the country from which the visit came and the paths taken as you move from one website or webpage to another website or webpage (i.e., your "click stream" activity). We may use certain or all of this information to identify you in future visits to the Platform. We may group some or all of this information into aggregate data in order to describe the use of Visa Concierge by our users to our existing or potential business partners, sponsors, advertisers or other third parties, or in response to a government request. We may also group demographic information that we collect from Visa Concierge users into aggregate data for the same purposes. We reserve the right to use and share any such nonPersonal Information with third parties for any lawful purpose.

Except for the purpose of identifying you in future visits to the Platform, Visa does not typically associate such non-Personal Information with any individual. However, to the extent Visa associates your Personal Information with non-Personal Information within our database, we will treat all the associated information as Personal Information under this Privacy Policy. Except as noted in this Privacy Policy, we do not share this associated information with third parties.

**Browsing and the use of cookies, Web beacons and other tracking technologies; mashups and log**

Visa uses cookie technology as part of Visa Concierge’s statistical reporting and for other purposes related to making Visa Concierge available to you. A cookie is a small piece of information sent by a website that is saved on your hard disk by your computer's browser. It holds information a website may need to personalize your experience (such as, rotating images on the home page of the website).

We also utilize cookies to identify if you are logged into your Visa Concierge account, including for purposes of providing certain features of Visa Concierge to you. Cookies may be operable for varying periods of time, depending on the Visa Concierge feature or features with which they are associated.

If you prefer, you can configure your browser to reject all cookies, or to notify you when a cookie is set. Each browser is different, so check the "Help" menu of your browser to learn how to

change your cookie and privacy preferences. However, if you reject cookies, your use of Visa Concierge will be materially impaired or may altogether preclude your use of Visa Concierge.

A Web beacon is an electronic image, also called a single-pixel or clear GIF, placed in the code of a webpage or in emails. The Platform uses Web beacons to track traffic patterns of users as they navigate from one page to another. This information lets us tune and improve our users' browsing experience. The information that Web beacons collect is aggregated, anonymous "click stream" data, and is not associated with you as an individual.

We also use Web beacons through a third party website analytics provider, as well as standard Web server log files, to help us count visitors and evaluate the Platform's technical capacity. This information tells us how many people visit the Platform, and helps us decide how to arrange pages in the most user-friendly way. This also helps us keep the Platform browser/mobile-friendly and more useful to our users. We record information on Platform traffic, but not on individual visitors to the Platform, so no Personal Information about you will be kept or used.

## LOCATION-BASED SERVICES

The Platform may offer certain location-based services to you. You understand that these location based features require the location details of your mobile device to function properly and your use signifies your agreement to use your location for purposes of the service. If you do not want the Platform to use location-based information, please refrain from using a location based service or click "DON'T ALLOW" when your mobile device requests your location-based information. Except as set forth in this Privacy Policy, your location will not be shared with third parties without your specific consent.

## YOUR PRIVACY RIGHTS AND CHOICES

You can direct us not to share your Personal Information with third parties and opt out of receiving emails by sending an email to concierge@visainfinite-asia.com, concierge@visasignature-asia.com or concierge@visaplatinum.com.

You can cancel your enrolment by emailing us at concierge@visainfinite-asia.com, concierge@visasignature-asia.com or concierge@visaplatinum.com. If you choose to cancel your enrolment and your Account is no longer accessible, we still may retain and use your Personal Information as necessary to comply with our legal obligations, resolve disputes, and enforce our agreements.

## HOW YOU CAN ACCESS AND EDIT YOUR PERSONAL INFORMATION

You can review or modify your Personal Information at any time by accessing the My Profile or Settings section on the mobile app. You can also submit a request to edit your Personal Information at any time by sending an email to concierge@visainfinite-asia.com, concierge@visasignature-asia.com or concierge@visaplatinum.com and requesting the change.

## CHILDREN

The Platform is not directed to persons under 21. We do not knowingly collect, use or disclose Personal Information from anyone under 21 years of age. If we determine upon collection that a user is under this age, we will not use or maintain his/her Personal Information without the parent/guardian's consent. If we become aware that we have unknowingly collected Personal

Information from a child under the age of 21, we will make reasonable efforts to delete such information from our records.

**HOW WE PROTECT PERSONAL INFORMATION**

Visa uses firewalls and Secure Socket Layers to help protect Personal Information when it is being communicated to us. Our policies restrict access to Personal Information to those employees and service providers who need to know the information to provide you this service. We maintain physical, electronic and procedural safeguards that comply with applicable privacy and data security laws and regulations.

**OTHER SITES**

The Platform may contain links to other sites. We do not control, recommend or endorse and are not responsible for these sites or their content.

**CONSENT TO TRANSFER OF DATA**

Please note that information collected by the Platform will be stored and processed in other countries, including the United States which may have different data protection laws than the country you reside in. You consent to our storage and processing of this information in the United States by installing and using the Platform.

In order to provide the Concierge services, we will be sharing your information with our Concierge service provider John Paul USA, a corporation organized under the Laws of the State of California, having its registered office located at 49 Stevenson, Suite 575, San Francisco, California 94105 (United States of America) ("John Paul USA."). John Paul USA will capture, store and manage your data as a third party supplier of Visa.

Further, John Paul USA may share your data with other 3rd party providers to enable or allow the provision of requested services to you. This includes and is not limited to merchants providing dining, travel, shopping and other services.

| Legal Entity | Purpose of data sharing | Data shared |
|---|---|---|
| John Paul USA<br>49 Stevenson, Suite 575, San Francisco, California 94105 | Provision of service | All data provided by cardholder or captured as part of the service delivery |

**CHANGES**

We may change this Privacy Policy at any time by posting an updated Privacy Policy to the Platform.

Changes will be effective when you accept the updated Privacy Policy or 30 days after the "Last Updated" date in the updated Privacy Policy, whichever comes first. If you don't affirmatively accept the updated Privacy Policy, your use of the Platform after the 30 day posting period means you are subject to the updated Privacy Policy. If you do not agree to the updates, please do not continue using the Platform. We encourage you to periodically review this page for the latest information on our privacy practices.

**CONTACT US**

If you have any questions or concerns about this Privacy Policy, the practices of Visa Concierge, or your experiences with the Platform, please contact us at concierge@visainfinite-asia.com, concierge@visasignature-asia.com or concierge@visaplatinum.com, or write to us/phone us at:

Address:
Visa Worldwide Pte Limited
71 Robinson Road #08-01
Singapore 068895
Attention: Legal Officer

Phone contact: +65
6671 5800
Contact person: Legal Officer

**UPDATED AS OF: 21 August 2018**

If there is any inconsistency(ies), conflict(s), ambiguity(ies) or discrepancy(ies) between the Bahasa Melayu/Indonesia and English version of these Terms and Conditions herein, the English version of these Terms and Conditions shall prevail.